

**KENYATAAN MEDIA**

**7 MAC 2026**

**MAJLIS KHATAM AL-QURAN HIMPUNKAN 1,000 WANITA  
SELANGOR SEMARAKKAN RAMADAN**

07 MAC 2026 | MASJID SULTAN ABDUL SAMAD (MASJID KLIA)  
SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN

**Sepang, 7 Mac 2026** – Dalam usaha menghayati keberkatan bulan Ramadan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga serta Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Wanita Negeri Selangor di Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA, Sepang.

Program tahunan ini menghimpunkan seramai 1,000 wanita dari seluruh Negeri Selangor bagi menyempurnakan bacaan 30 juzuk Al-Quran secara berjemaah, sekali gus menjadi simbol kesatuan, penghayatan nilai Islam serta pengukuhan ukhawah dalam kalangan wanita.

Majlis ini turut diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor, yang berkenan mencemar duli bagi merasmikan Majlis Khatam Al-Quran Wanita Negeri Selangor. Turut hadir ialah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Masdiana Muhamad, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan & Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS); Yang Berhormat Datuk Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Datin Rozana Kasbon, Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Kontinjen Selangor; Datin Syarmila Yahaya, Pengerusi Persatuan Suri & Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA); serta Puan Siti Faridah Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor.

## KENYATAAN MEDIA

7 MAC 2026

Program dimulakan dengan bacaan 30 juzuk Al-Quran secara berjemaah, diikuti sesi tazkirah bertajuk "Ramadan dan Al-Quran: Madrasah Pembinaan Jiwa" yang disampaikan oleh Ustazah Nazirah Abu Bakar dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Majlis kemudiannya diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Ustazah Nor Ruzana Natilah Jaafar, serta persembahan marhaban yang menyemarakkan lagi kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan peserta.

Penganjuran majlis ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkasa wanita secara holistik melalui pendekatan yang merangkumi aspek kerohanian, kepimpinan dan kesejahteraan sosial. Program ini juga menjadi platform penyatuan wanita merentasi latar belakang kerjaya dan komuniti, sekali gus memperkukuh jaringan sokongan serta semangat kebersamaan dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Majlis ini membuktikan bahawa kekuatan wanita bukan sahaja terletak pada keupayaan kepimpinan dan profesionalisme, malah pada keutuhan jiwa yang dipandu oleh Al-Quran sebagai sumber pedoman kehidupan dalam membentuk masyarakat Selangor yang sejahtera, berakhlak dan berdaya tahan.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan media, sila layari laman rasmi Wanita Berdaya Selangor atau hubungi:

Puan Farah Nadirah Mohd Salahuddin  
019-298 2771 | farah.nadirah@wb Selangor.com.my